

# Harun: Harapan Tunku pada kerajaan

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, menasihatkan Naib Presiden UMNO Datuk Harun Haji Idris bersabar dan berharap Kerajaan akan menimbang semula kedudukannya dengan memberikannya pengampunan sepenuhnya.

Tunku Abdul Rahman dukacita Datuk Harun tidak boleh memegang jawatan sebagai Naib Presiden UMNO yang dimenangnya dalam Perhimpunan Agung UMNO bulan lalu.

"Datuk Harun juga tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana syarikat. Syarat ini tentulah menyulitkan orang seperti yang ditahan beberapa tahun untuk hidup," kata beliau kepada para wartawan selepas berbincang kira-kira sejam dengan Datuk Harun di kediamannya di sini hari ini.

Datuk Harun dibebaskan tengahmalam tadi setelah Lembaga Pengampunan yang bersidang Selasa lalu mengambil keputusan memendekkan tempoh hukuman penjaranya. Beliau mengunjungi Tunku di kediamannya pagi ini.

Datuk Harun diiringi oleh anaknya,

Encik Mazlan, penyokong-penyokongnya tiba di rumah Tunku kira-kira jam 9.50 pagi. Turut hadir ialah bekas Setiausaha Agung UMNO, Datuk Senu Abdul Rahman.

Tunku Abdul Rahman telah mengusahakan pengampunan Datuk Harun hingga membolehkan beliau dibebaskan dari tahanan semalam.

Tunku Abdul Rahman memberitahu lagi, beliau percaya pihak berkenaan akan memberi pengampunan sepenuhnya tidak lama lagi.

Kerajaan, tambah Tunku patutlah menimbang untuk memberikan peluang kepada Datuk Harun meneruskan sisa-sisa hidupnya kerana beliau kini menjadi orang bebas.

Mengenal perbincangannya dengan bekas Menteri Besar Selangor itu, Tunku Abdul Rahman menjelaskan, beliau telah menasihatkan Datuk Harun supaya bersabar dan bertenang.

"Saya nasihat Datuk Harun supaya duduk diam-diam, berehat sementara kami berusaha," katanya.

Ditanya mengenai keputusan Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan mesyuaratnya oleh Yang Dipertuan Agung, Tunku Abdul Rahman berkata, perkara tersebut boleh dikaji balik.